



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SUBSIDI KURANGKAN IMPAK PENINGKATAN KOS SARA HIDUP DAN INFLASI MAKANAN

MACHANG, 2 JULAI 2022 – YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengadakan lawatan kerja ke sebuah ladang ayam dengan kapasiti pengeluaran 60,000 ekor ayam satu pusingan di Labok, Machang, Kelantan bagi meninjau operasi penternakan ayam di samping mendapatkan maklumat secara langsung daripada penternak mengenai isu atau permasalahan yang dihadapi.

Dr Ronald berkata MAFI sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam supaya dapat melihat perspektif industri secara lebih dekat sekaligus memastikan bekalan dan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap yang stabil dan mencukupi.

Penternak dan pengusaha ladang-ladang penternakan ayam telah menyatakan komitmen untuk bersama-sama memperkuuh sekuriti makanan negara melalui tahap pengoperasian ladang pada tahap yang optimum demi menjamin bekalan ayam yang berterusan.

Tambah Dr Ronald, Kerajaan Malaysia merupakan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, kita mengetahui rakyat berhadapan dengan kenaikan kos sara hidup, bukan sahaja dari segi bahan makanan tetapi juga barang keperluan lain, di mana pemberian subsidi bagi mengurangkan kos pengeluaran adalah antara langkah yang dapat memastikan impak terhadap kos sara hidup dapat diminimakan.

“Kenaikan kos sara hidup ini bukan sahaja berlaku di negara kita, sebaliknya ia merupakan fenomena global yang turut dirasai seluruh dunia dan Kerajaan sentiasa berusaha untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Secara keseluruhannya, perbelanjaan subsidi bagi tahun 2022 yang ditanggung oleh Kerajaan mencecah RM77.7 bilion,” jelas beliau.

Demi menjaga kepentingan Keluarga Malaysia, Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi kepada penternak bagi menampung kenaikan kos input pengeluran ayam pada kadar RM0.60/kg dari 5 Februari hingga 30 Mac 2022 (Fasa 1) dan RM1.40/kg bagi tempoh 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022 (Fasa 2).

Manakala, bagi tempoh 1 Julai 2022 hingga 31 August 2022 (Fasa 3), pemberian subsidi ditetapkan pada kadar RM1.20/kg. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM369.5 juta untuk melaksanakan pemberian subsidi Fasa 3 ini yang menjadikan jumlah keseluruhan subsidi adalah sebanyak RM1.1 bilion sejak 5 Februari 2022.

Setakat ini, sebanyak 4,739 permohonan tuntutan subsidi dengan nilai RM384 juta telah diluluskan oleh MAFI. Semua penternak boleh terus kemukakan permohonan sehingga supaya subsidi dapat disalurkan.

Kerajaan sedaya upaya berusaha menetapkan mekanisme pengawalan harga bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terbeban dengan cabaran kos sara hidup. Pada 29 Jun 2022, Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram, bagi Semenanjung Malaysia.

Penetapan harga pada kadar RM9.40 sekilogram adalah harga yang telah disubsidi di mana rakyat akan membeli pada harga yang lebih mahal jika tindakan ini tidak diambil oleh Kerajaan. Harga ayam di Malaysia juga adalah antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ASEAN.

Harga siling runcit telur ayam ditetapkan pada kadar 45 sen/biji bagi gred A, gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji) di Semenanjung Malaysia. Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum ayam dan telur adalah berbeza mengikut zon dan daerah.

Penetapan harga siling bagi ayam standard dan telur ini telah berkuatkuasa bermula 1 Julai 2022. KPDNHEP akan meneruskan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap mana-mana premis yang didapati tidak mematuhi pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur bagi memastikan harga ayam dan telur yang dikawal ini dimanfaatkan oleh rakyat.

Di samping itu, pengimportan masuk untuk stok penimbang ayam juga sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan jumlah kapasiti keseluruhan sebanyak 4,536 tan metrik menjelang penghujung bulan Julai 2022.

Kerajaan terus komited memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dengan meneruskan pemberian subsidi supaya bekalan dalam pasaran sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan di pasaran kekal terjamin dengan harga yang berpatutan bagi menjamin kesejahteraan keluarga Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
2 JULAI 2022